

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang 1990/91

Oktober/November 1990

RMK 457 Pengurusan Kewangan Binaan

Masa : (3 Jam)

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi EMPAT muka surat yang tercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab EMPAT soalan sahaja. SOALAN NO.1 wajib. Jawab TIGA soalan lain.

Anda dinasihatkan supaya mengagihkan masa menjawab mengikut pecahan markah.

1. Lampiran A dan B merumuskan prestasi syarikat pembinaan Baba Berhad dari tahun 1980 - 1990. Analisis ini diperolehi dari laporan kewangan syarikat tersebut.

Lima (5) aspek telah dianalisis dan dimuatkan dalam histogram. Kelima-lima aspek ini ialah:

- (a) Nisbah semasa
- (b) Nisbah cepat
- (c) Peratus untung selepas cukai
- (d) Nisbah pusingganti inventori
- (e) Tempoh bayaran purata

Dengan menggunakan Lampiran A dan B dan dari pembacaan anda, jawab soalan-soalan berikut:

- (i) Rumuskan arah aliran kelima-lima nisbah tersebut dalam jangkamasa analisis, dalam bentuk pernyataan-pernyataan yang mantap. Huraikan juga faktor-faktor yang mungkin mempengaruhi arah aliran tersebut.

(15 markah)

- (ii) Bincangkan kegunaan nisbah-nisbah tersebut dan had-had yang berkaitan dengan interpretasi nisbah.

(15 markah)

(iii) Huraikan dua sumber lain yang boleh digunakan oleh pihak perunding satu projek pembinaan untuk mendapatkan maklumat prestasi syarikat tersebut.

(10 markah)

2. Bincangkan perbezaan dan persamaan yang terdapat dalam pengurusan kewangan firma binaan dan pengurusan kewangan projek binaan.

Jawapan anda hendaklah mengambilkira objektif, teknik-teknik dan keperluan kedua-dua aspek tersebut.

(20 markah)

3. Pengurusan tunai adalah salah satu aspek pengurusan modal kerja. Bincangkan strategi pengurusan tunai firma binaan dengan mengambilkira permasalahan yang sering dihadapi oleh firma binaan.

(20 markah)

4. Huraikan tiga (3) sumber kewangan sesebuah firma binaan dan rumuskan antara ketiga-tiga sumber ini, sumber manakah yang senang diperolehi.

(20 markah)

5. Kawalan dan perancangan belanjawan sesebuah firma adalah penting untuk memastikan pengurusan sumber yang cekap dan pencapaian keuntungan di tahap yang diunjurkan.

Huraikan prinsip-prinsip asas belanjawan dan objektif-objektif kawalan belanjawan.


(20 markah)

- oooOooo -

PRESTASI SYARIKAT

1980-1990


PERATUS/NISBAH



LAPORAN KEWANGAN - SUMBER

PRESTASI SYARIKAT

1980-1990



LAPORAN KEWANGAN -SUMBER